



KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

## KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

### USAHAWAN LUAR BANDAR PERLU STRATEGI PASARKAN PRODUK SECARA DIGITAL

KPLB.100-2/1/6 JLD.2 (89)

LIPIS, 3 Julai - Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) menyaran usahawan luar bandar agar melengkapkan diri dengan menguasai kemahiran digital dalam menghadapi persaingan perniagaan yang semakin kompetitif.

Bagaimanapun, menurut Timbalan Menteri 1 Pembangunan Luar Bandar Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad, bagi memastikan proses peralihan itu berjaya, usahawan digalakkan menghadiri latihan serta program peningkatan kemahiran berkenaan bagi memastikan produk yang dipasarkan dapat menarik perhatian pelanggan.

”Beralih kepada pemasaran secara digital adalah norma baharu perniagaan namun memasarkan produk di media sosial sahaja tanpa strategi dan kemahiran berkemungkinan tidak memberi impak yang berkesan”.

Tambah beliau, KPLB menyediakan banyak kursus dan bimbingan digital bagi membantu usahawan luar bandar dalam memasarkan, menambah baik mutu dan kualiti produk untuk kesediaan berniaga dalam talian termasuk menyediakan platform DesaMall@KPLB.

Sejak April lalu, 3,000 usahawan luar bandar di latih di bawah program DesaMall@KPLB bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan

menjalankan perniagaan secara dalam talian dengan mencatat nilai jualan lebih RM4 juta.

DesaMall@KPLB diperkenalkan pada Oktober 2017 dan memasarkan 3,567 produk di platform e-dagang seperti Lazada, Shopee dan eBay.

Datuk Seri Abdul Rahman berkata demikian ketika merasmikan penutup program Mini Karnival Usahawan Desa(KUD)@Lipis di Dataran Orang Kaya Haji, Lipis malam tadi.

Di majlis sama, lima peserta program Start Right (PSR@KPLB) menerima bantuan untuk memulakan perniagaan.

Program ini memberi peluang kepada belia luar bandar dari golongan B40 untuk menerima latihan asas keusahawanan dan bimbingan intensif selama enam bulan serta bantuan dalam bentuk peralatan dan modal bagi memulakan perniagaan.

Dalam pada itu, jelas Datuk Abdul Rahman, Karnival Usahawan Desa anjuran KPLB ini turut menyediakan platform bagi mempromosi kemudahan serta insentif yang disediakan oleh sektor awam dan swasta yang dapat membantu perkembangan perniagaan usahawan luar bandar.

“Melalui program ini Kementerian dapat mengumpul maklumat dan mendapatkan maklum balas terkini daripada usahawan luar bandar khususnya di bawah bimbingan KPLB, mengenai keberkesanan program pengukuhan keusahawanan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian dan agensi bagi tujuan penambahbaikan berterusan.

KUD antara program pemasaran di bawah KPLB yang bertujuan memartabatkan produk dan perkhidmatan usahawan luar bandar melalui perluasan akses pasaran serta peningkatan aktiviti pemasaran kepada pihak pengeluar, pembekal, pemborong, dan pengedar untuk menjalinkan kerjasama strategik termasuk meluaskan jaringan perniagaan.

Mini KUD@Lipis yang diadakan sejak 30 Jun dan berakhir 3 Julai ini mengumpulkan 135 usahawan bimbingan di bawah KPLB merekodkan seramai lebih 43 ribu pengunjung dengan nilai jualan termasuk tempahan mencecah RM400,000 telah dicatatkan.

Untuk rekod, Mini KUD@Lipis ini adalah siri kedua dianjurkan KPLB selepas Pontian pada Mac lalu. Sehingga kini, lebih 64,000 usahawan di bawah bimbingan KPLB dan agensinya.

Penganjuran Mini KUD@Lipis ini juga selaras hasrat Kerajaan di bawah Aspirasi Keluarga Malaysia untuk memulih dan merapatkan jurang ekonomi pasca Covid-19.

**-Tamat -**

#KeluargaMalaysia

#LuarBandarSejahtera

**DATUK SERI ABDUL RAHMAN MOHAMAD  
TIMBALAN MENTERI 1  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR  
3 JULAI 2022**

Unit Komunikasi Korporat. | Kementerian Pembangunan Luar Bandar  
Tel: 03-8891 5945 Faks: 8888 2367 Email: ukk@rurallink.gov.my



[www.rurallink.gov.my](http://www.rurallink.gov.my)



Kementerian Pembangunan Luar Bandar



[kplb\\_gov](#)



[kplb\\_gov](#)



[KPLB\\_GOV Official](#)